EDISI KERJASAMA BH/BM DENGAN MLLPC

BERITA HARIAN/BERITA MINGGU *dengan kerjasama Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC) mengetengahkan ruangan kreatif edisi khas khusus untuk penulis muda, terutama golongan pelajar. Ruangan ini, yang disiarkan pada Ahad pertama setiap bulan, bertujuan memupuk bakat penulis muda dalam bidang penulisan sastera dengan memberi mereka wadah berkongsi karya dengan khalayak ramai. Penulis muda digalakkan menghantar karya mereka untuk pertimbangan dalam ruangan ini.*

Cerpen

Simulasi Harapan



– Foto hiasan PIXABAY

MUHAMMAD SHODIQIN JAMAL

Tahun 2124.

Bumi, dahulu indah dengan hamparan hijau dan biru, kini telah menjadi gurun yang amat tandus. Hanya angin kering yang berbisik, membawa bersama debu-debu kekecewaan. Kehidupan kini berpegang pada seutas tali rapuh, dengan pemanasan global yang memusnahkan setiap tanda kehidupan.

Air, sumber utama kehidupan, semakin hilang daripada genggaman manusia. Di sinilah aku, seorang ahli biologi yang dibebani rasa tanggungjawab, menyaksikan kehancuran perlahan-lahan menelan dunia.

"Apakah ini pengakhiran kehidupan manusia?" bisik hatiku setiap kali aku memandang ke langit yang gersang, tanpa kelihatan awan.

Aku tidak mampu lagi melihat bumi yang pernah menjadi tempat tinggal kita semua lenyap begitu sahaja. Kerakusan manusia telah meragut segala-galanya. Namun, dalam kehancuran, satu percikan harapan masih menyala dalam diriku.

Sebagai seorang ahli biologi, aku menyedari bahawa kehidupan bergantung pada air. Tanpa sumber air yang mencukupi, tidak ada harapan untuk memulihkan ekosistem yang hancur. Dengan tekad yang teguh, aku mengumpulkan pasukan kecil para ilmuwan dan sukarelawan yang terpilih untuk menyusun rencana penyelamatan terakhir. Misi kami adalah mencari cara untuk menghasilkan air daripada sumber-sumber alternatif.

Kami memulakan perjalanan kami merentas padang pasir yang luas, tempat di mana panas matahari memantulkan gelombang haba yang mematikan. Dengan menggunakan teknologi canggih dan penemuan terkini, kami cuba untuk mengubah wap air yang terperangkap di atmosfera sekeliling menjadi air cair yang boleh digunakan.

Namun, cabaran yang kami hadapi besar amat. Sumber daya terhad, cuaca yang tidak menentu, dan tekanan masa yang meningkat membuatkan setiap langkah kami sangat kritikal. Setiap hari merupakan ujian kesabaran dan ketabahan kami. Di setiap penjuru, hanya kehancuran yang terlihat, tetapi kami berpegang pada satu harapan: untuk mencipta air dari udara. Aku tahu, inilah satu-satunya cara untuk menyelamatkan dunia.

Setiap malam, aku termenung di bawah langit yang tidak berbintang, bertanya pada diriku, "Adakah kita akan berjaya? Atau ini hanyalah mimpi yang akan terkubur bersama-sama dengan tanah ini yang kita panggil rumah kita?"

Masa semakin suntuk. Setiap detik yang berlalu dirasakan bagai mimpi ngeri tanpa penghujung. Namun, di tengah kegelapan itu, kami menemui satu penemuan mengejutkan. Salah seorang ahli kimia dalam pasukan kami berjaya menemui satu kaedah yang mampu mengubah wap air di udara menjadi titisan air yang cukup berharga. Ada rasa lega yang mengalir di dalam diriku, tetapi saspens masih mencengkam jiwa. Perjalanan kami masih jauh.

Pada malam terakhir di padang pasir, kami melancarkan usaha penyelamatan kami. Mesin-mesin yang kami cipta sendiri mulai berfungsi. Setiap titis air yang terhasil menjadi simbol harapan yang kembali menyala. Namun, ketika kami baru sahaja menarik nafas lega, bunyi deruan dari jauh memecah keheningan malam. Jantungku berdegup kencang. Adakah ini kiamat kami?

Pukulan angin dan debu yang kencang memecah barisan pasir, menuju ke arah kami dengan kelajuan yang menakutkan. Dalam kekalutan, kami segera mengumpul peralatan dan melompat ke dalam van. Aku dapat merasakan degupan jantungku di telinga, seakan-akan masa bergerak terlalu pantas untuk difahami.

"Tuhan, jangan biarkan padang pasir ini menjadi rumah terakhir kami," aku merintih dalam hati.

Namun malangnya, nasib tidak berpihak kepada kami sepenuhnya. Arman, sahabat yang selama ini berdiri di sisiku, tergelincir dari genggaman-ku. Aku dapat melihatnya ditarik oleh tangan ghaib ribut pasir yang mengganas.

"Lepaskan aku, Man. Selamatkan dirimu!" jerit Arman, suaranya penuh dengan rasa putus asa dan keberanian.

Hatiku hancur. Tangannya yang pernah menghulur sokongan kini hilang dalam kegelapan yang tidak mampu aku tebus. Air mataku jatuh, tetapi aku tidak boleh berhenti. Aku tahu, misi ini harus diteruskan. Pengorbanan Arman tidak boleh disia-siakan.

Dengan kesakitan yang menyelubungi hati, kami akhirnya berjaya menyelamatkan diri kami. Kami juga dapat membina peralatan yang kami cipta sendiri secara skala besar, agar dapat membina habitat yang lebih sihat dan kondusif agar biodiversiti boleh mekar di sana.

Alhamdulillah, air yang kami hasilkan mampu memberikan kehidupan kepada tanah yang kering kerontang dan menghidupkan semula sungai yang pernah mengalir. Sinaran harapan menyala kembali di mata manusia apabila kami dapat memperlihatkan tanda-tanda pemulihan.

Aku melihat kejayaan kami dengan penuh kebanggaan dan syukur kerana dapat menolong memulihkan bumi walaupun sedikit demi sedikit. Harapan kembali berdenyut dalam diri manusia. Namun, di sebalik kegembiraan itu, aku tidak dapat melupakan jasad Arman yang terkorban.

Tetapi, tiba-tiba, dunia di sekelilingku mula menjadi kabur. Pandanganku kelam. "Apakah yang terjadi?" tanyaku dalam hati.

Aku terjaga. Dua lelaki berdiri di hadapanku, memandang aku dengan senyuman misteri.

"Luqman, tahniah dan selamat kembali ke 2024! Kamu telah menyelesaikan simulasi 'Majulah Penyelamat'. Kamu telah dipilih untuk menjalani simulasi ini, dan kami berpuas hati dengan keputusannya. Melalui simulasi ini, kamu telah berjaya menyelesaikan masalah yang bakal melanda jika kita tidak berhati-hati."

Aku terpana. Segala-galanya hanyalah simulasi? Perasaan terperangkap antara realiti dengan mimpi masih berlegar-legar dalam fikiranku. Namun, aku bersyukur. Daripada simulasi ini, aku belajar satu perkara penting – betapa rapuhnya dunia ini dan betapa besar tanggungjawab kita untuk menjaganya.

"Ya, aku akan melindungi bumi. Walau apa pun terjadi."

> "Setiap malam, aku termenung di bawah langit yang tidak berbintang, bertanya pada diriku, "Adakah kita akan berjaya? Atau ini hanyalah mimpi yang akan terkubur bersama-sama dengan tanah ini yang kita panggil rumah kita?"



Sajak

Kota Futuristik



Di dalam dunia terbentuk daripada kod dan sinar,
Aku meniti setiap permainan dengan penuh semangat.
Menjadi pahlawan dalam cerita yang tercipta,
Namun diri sebenar semakin hilang dalam penantian.

Di sebalik layar yang berkilauan ceria,
Tersembunyi rasa kekosongan yang semakin mendalam.

Di kota futuristik yang dipenuhi cahaya neon,
Kutemui bayangan diri yang semakin pudar warnanya.
Dia mencari identiti yang terpinggir dalam algoritma,
Namun tiada yang mampu mengubah masa yang telah berlalu.

Dia mengisahkan impian yang terhempas,
Dan perasaan kehilangan yang merasuk jiwa.

Di penghujung permainan, di saat layar memudar,
Kusedari diri sebenar telah hilang dalam permainan ini.


Dalam dunia digital yang tercipta,
Kehilangan diri ialah hikmah yang perlu diterima.

Aku melangkah pergi dengan lesu dan ragu,
Mencari makna sejati dalam kehidupan yang nyata.

Alam, tempat piksel dan perasaan bertemu,
Aku belajar mencari jati diri dalam perjalanan sebenar.

Mirefqa Atnin
Maktab Rendah Yishun Innova

Kemarau dan Lembap



Gurun kelihatan kering dan sunyi,
segala yang hidup bersembunyi.
Namun jika kamu menenangkan hati,
boleh mendengar pasir bernyanyi.

Tiba musim hujan kedamaian terkacau,
guruh dan petir menanda tamat kemarau.
Hujan yang turun membasuh pasir,
di gurun sungai muncul dan mengalir.

Benih terlupa bangun dari tidur,
tanah kering diselimuti hijau.
Bunga kembang berwarna-warni,
menarik haiwan datang dari jauh.

Dalam beberapa bulan hujan tamat lagi,
Tumbuh-tumbuhan jadi kuning lalu mati.
Benih baharu tidur dan bersembunyi,
didodoikan oleh pasir yang bernyanyi.

Emmanuel Mathew
Institusi Raffles

BIODATA PENULIS



Muhammad Shodiqin Jamal lahir pada 24 Oktober 2007, merupakan bekas pelajar Maktab Rendah Tampines Meridien, yang kini sedang menjalani Perkhidmatan Negara (NS). Beliau bercita-cita untuk menjadi seorang pendidik kerana minat mengasah kemahiran berfikir secara kritikal dalam diri anak muda, terutama sekali berkaitan dengan isu sosial masa kini. Penulis kegemarannya ialah Suratman Markasan, tokoh terkenal serta perintis sastera Singapura.